



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA MPSP**

SEMPENA

**MAJLIS PENGHARGAAN PESARA TAHUN 2018 DAN
MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN
2017**

**13 MAC 2018 (SELASA)
9.00PAGI**

DEWAN MILLENIUM, KEPALA BATAS

Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan
Lalulintas & Tebatan Banjir

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmud

Puan Setiausaha Perbandaran

Ketua-Ketua Jabatan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Pegawai-Pegawai Kanan MPSP

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

**ASSALAMMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABAROKATUH
SALAM SEJAHTERA DAN SELAMAT PAGI**

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini dalam Majlis Penghargaan Pesara Tahun 2018 dan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2017. Terima kasih juga saya ingin ucapkan kepada YB. Tuan Chow Kon Yeow kerana sudi hadir bagi menyempurnakan majlis ini.

Majlis yang kita adakan pada pagi ini adalah Majlis untuk menghargai sumbangan kakitangan-kakitangan MPSP yang akan bersara dan menghargai kakitangan MPSP yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang. Segala usaha, pengorbanan, keringat dan usaha yang diteloh ditunjukkan oleh kakitangan ini dapat menjadi contoh dan pemangkin semangat kepada kakitangan-kakitangan yang lain. Penganjuran majlis ini menjadi bukti bahawa pihak MPSP sentiasa mengambil berat soal kebajikan dan usaha-usaha kakitangan yang menjadi pendokong utama kecemerlangan MPSP.

Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Bagi tahun ini, seramai 66 orang kakitangan yang akan bersara dan telah bersara. Ianya terdiri daripada 55 orang lelaki dan 11 orang perempuan. Di dalam jumlah tersebut, seramai 37 orang yang bersara wajib, 14 orang yang bersara pilihan sendiri, dua (2) orang kakitangan bersara atas sebab kesihatan dan tiga belas (13) orang yang meninggal dunia. Terima kasih kepada semua pesara yang selama ini bersama-sama dengan MPSP dalam apa juga cabaran sehingga ke hari terakhir perkhidmatan.

Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Bagi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, satu garis panduan mengenai pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang telah dikeluarkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2012. Pada tahun 2017, seramai 210 kakitangan yang telah layak dipilih dan dianugerahkan khidmat cemerlang. Calon kakitangan lelaki ialah seramai 177 manakala wanita seramai 33 orang. Mengikut kumpulan perkhidmatan, seramai lima (5) orang kakitangan daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional, 56 orang daripada Kumpulan Pelaksana 1 dan 149 daripada Kumpulan Pelaksana 2.

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017 akan menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang, Hadiah Prestasi sebanyak RM1000.00, peluang dan keutamaan untuk memajukan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja, peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima pingat, bintang dan darjah kebesaran Persekutuan dan negeri serta nama dan gambar penerima akan dipamerkan di pejabat di lokasi yang strategik atau yang biasa dikunjungi oleh orang ramai.

Justeru itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2017 kerana telah berjaya menunjukkan prestasi kerja yang mencapai tahap yang disasarkan oleh ketua jabatan dan pihak pengurusan. Saya berharap semua penerima anugerah ini akan terus komited dan meningkatkan prestasi kerja masing-masing demi menaikkan lagi imej dan kredibiliti MPSP serta menyemarakkan lagi semangat semua warga MPSP untuk bekerja dengan lebih gigih dan bersungguh-sungguh.

Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

MPSP mempunyai keseluruhan kakitangan seramai 4,137 orang dan 3,576 (86.4%) adalah kakitangan lelaki manakala selebihnya iaitu 561 (13.6%) orang adalah kakitangan wanita yang berkhidmat dalam bidang pengurusan, sokongan, teknikal, perkeranian dan pekerja am. Di peringkat Pengurusan dan Profesional, bilangan pegawai wanita adalah 30 orang (49.2%) dan pegawai lelaki sebanyak 31 orang (50.8%).

Di peringkat Pengurusan Tertinggi pula, 10 pegawai (43.5%) adalah dari golongan wanita yang memegang jawatan Pengarah (*decision making*). Ini jelas menunjukkan bahawa MPSP telah mencapai KPI yang telah ditetapkan oleh Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow dan Kerajaan Negeri semasa “Perisytiharaan Jerai” dalam Kursus Induksi Ahli Majlis dan Ketua Jabatan Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2017 pada 20 – 23 Januari 2017 yang diadakan di Gunung Jerai. Di bawah Program Mengarusperdanakan Gender Ke Arah Kesetaraan Gender Dalam MPSP, Petunjuk Prestasi / Sasaran Kerja (KPI) MPSP telah menetapkan untuk mencapai keseimbangan gender (Gender Parity) di mana 30% Ahli Majlis dan Ketua Jabatan adalah perwakilan wanita di peringkat pembuat keputusan menjelang 2020.

Kakitangan-kakitangan ini merupakan asset yang penting yang sentiasa diberi perhatian oleh pihak pengurusan. Tanpa penglibatan dan sokongan mereka, MPSP tidak dapat menempa nama dan terus gemilang menjadi PBT cemerlang. MPSP telah menyediakan kemudahan-kemudahan untuk kebajikan semua kakitangan. Antaranya kemudahan klinik panel dan pergigian yang mana nilainya telah bertambah daripada RM500 setahun ke RM600.00 setahun, bayaran *ex-gratia* bencana kerja bagi pekerja tetap yang ditimpa kemalangan dan hilang upaya langsung yang kekal atau kematian semasa menjalankan tugas rasmi, SOCSO bagi pekerja kontrak dan kemudahan rawatan perubatan di hospital-hospital kerajaan. MPSP telah memperuntukan sebanyak RM1.44 juta untuk kemudahan perubatan dan RM1.28 juta untuk kemudahan klinik panel dan pergigian.

Selain itu, bagi kakitangan wanita, MPSP juga telah menyediakan bilik laktasi, kemudahan 12 Tempat Letak Kereta (TLK) bagi Ibu mengandung dan 30 Tempat Letak Kereta kepada ibu yang membawa anak untuk dihantar ke TADIKA di dalam Menara MPSP. Di samping itu, untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU) pula, MPSP menyediakan tiga (3) petak Tempat Letak Kereta terbuka dan dua (2) Tempat Letak Kereta di “*basement*” MPSP.

MPSP memberi penekanan kepada gaya hidup sihat melalui strategi “Mempelbagaikan *Fitness Program*”. Salah satu aktiviti yang akan diadakan adalah senam sihat warga kerja MPSP yang secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan antara sesama warga kerja MPSP dan dalam masa yang sama dapat meningkatkan lagi tahap kesihatan warga kerja MPSP. Secara umumnya, aktiviti ini akan diadakan setiap Jumaat minggu kedua dan ketiga setiap bulan bermula bulan April 2018 di perkarangan Menara MPSP.

Acara Fitness Challenge 2018 yang diadakan pada 4 Mac 2018 adalah salah satu aktiviti yang diadakan dalam Program Pagi Bebas Kenderaan. Ianya diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Wanita Sedunia 2018 dengan tema “*Press for Progress*” dengan penyertaan lebih kurang 500 orang. Tahniah dan syabas kepada kakitangan MPSP kerana dapat mengikuti pertandingan senamrobik sampai tamat iaitu selama 1 jam 30 minit tanpa henti dan juga ada yang memenangi hadiah yang telah disediakan.

Aktiviti lain yang melibatkan penyertaan kakitangan MPSP adalah Program Pengurusan *Stress* bagi Pegawai MPSP yang diadakan pada 12 Mac 2018. Ianya bertujuan untuk meningkatkan prestasi kerja, mengurangkan *stress* dan mewujudkan keharmonian persekitaran kerja.

Banyak lagi program dan aktiviti yang telah dan sedang dirancang untuk memberi faedah dari segi peningkatan gaya hidup sihat khasnya kakitangan MPSP. Saya amat mengharapkan agar semua kakitangan MPSP menyokong serta mengambil bahagian dalam program dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh MPSP. Saya juga telah meletakkan KPI kepada anggota penguatkuasa yang berumur 30 tahun ke bawah untuk mencapai BMI Standard.

Saya juga menyeru kepada semua kakitangan supaya kita semua mempunyai Standard BMI supaya MPSP sihat dan Pulau Pinang Sihat.

Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pegawai dan pekerja-pekerja am yang terlibat secara langsung dalam pembinaan *Upcycle Park* di Bandar Perda yang merupakan yang pertama di Malaysia.

Wira *Orange* MPSP telah menempah nama dan akan terus menempah nama di bibir masyarakat. Kita berazam untuk menjadikan Seberang Perai “*zero waste*” pada satu masa yang akan datang. Kita bukan mahu dipuji tetapi kita mahu keberkatan dalam kehidupan.

Atas keprihatinan itu, MPSP juga telah berusaha untuk meningkatkan kompetensi staf dengan pelbagai pendedahan. Antaranya melalui latihan, pendedahan dan kolaborasi dengan pihak luar untuk melahirkan kakitangan yang berpengalaman, berkemahiran dalam bidang masing-masing dan berkeyakinan tinggi untuk menghadapi cabaran yang mendatang dan terus relevan dengan tuntutan semasa.

Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Walau bagaimanapun, MPSP amat menitikberatkan soal integriti dan disiplin kepada semua kakitangan tidak kira kumpulan pengurusan tertinggi atau sokongan. MPSP sememangnya amat komited dalam usaha membanteras rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan, tatatertib dan pecah amanah di kalangan kakitangan.

Oleh itu, saya berharap agar semua kakitangan MPSP dapat terus memberikan komitmen yang terbaik di dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang diberikan dan sentiasa menjaga nama baik organisasi. Bukan mudah untuk meletakkan MPSP sepertimana tahap sekarang ini. Tetapi saya yakin dan percaya dengan adanya kerjasama dan usaha kita pasti dapat lakukan yang terbaik.

Akhir kata, marilah sama-sama kita merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memacu Pulau Pinang ke arah "*Cleaner, Greener, Safer and Healthier*". Sokongan dan penglibatan rakyat adalah amat diperlukan bagi menjadikan Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar pada tahun 2022. Sekali lagi, terima kasih kepada YB Tuan Chow Kon Yeow dan pimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta warga kerja MPSP yang sentiasa bertungkus lumus untuk pembangunan Seberang Perai.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.